



## KENYATAAN MEDIA

OLEH  
**YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

Dimaklumkan bahawa saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menerima **Surat Pemakluman Memanggil Mesyuarat Khas Dewan Rakyat** yang ditandatangani YAB Perdana Menteri Interim, memaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah bersetuju supaya Dewan Rakyat dipanggil bermesyuarat pada hari **Isnin, 2 Mac 2020**.

2. Namun demikian, saya mendapati surat berkenaan **tidak menepati Peraturan Mesyuarat 11(3)** oleh kerana tidak disusuli dengan Pemberitahuan Usul yang lengkap.
3. Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(3), pemberitahuan dan tarikh mesyuarat akan dikeluarkan oleh saya selaku Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Setakat ini tiada notis dikeluarkan.
4. Di samping itu, saya juga berpandangan bahawa keperluan untuk mengadakan Mesyuarat Khas Dewan Rakyat akan dibuat **selepas mendapat pemakluman titah rasmi daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** berhubung dengan proses pemilihan Perdana Menteri.
5. Oleh yang demikian, saya memutuskan **TIADA Mesyuarat Khas Dewan Rakyat pada Isnin, 2 Mac 2020**.
6. Saya akan terus meneliti perkembangan semasa dan kenyataan seterusnya tentang notis dan tarikh Mesyuarat Khas akan dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ahmad Arief S".

**TAN SRI DATO' MOHAMAD ARIFF BIN MD YUSOF**  
28hb. Februari 2020